

Sabtu, 14 September 2019 | 5:12pm



Muez (dua dari kanan) bersama Levita (kanan, tengah) pada pertemuan KPDNHEP dan francaisor Malaysia dengan wakil Persatuan Francais dan Pelesenan Indonesia (WALI), di Jakarta. - NSTP/Saifullizan Tamadi

## Pelaburan francais RM12.1 juta dari Indonesia

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**JAKARTA:** Sekurang-kurangnya 56 pelabur berpotensi berjaya diperoleh 11 francaisor Malaysia dalam Ekspo Francais dan Pelesenan Indonesia (FLEI) 2019, di sini, dengan nilai pelaburan mencecah lebih RM12 juta.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Muez Abd Aziz, berkata jumlah itu direkodkan setakat Jumaat dan dijangka terus bertambah sehingga FLEI 2019 berakhir esok.

Katanya, semua pelaburan berpotensi itu menunjukkan minat tinggi untuk melabur dalam jenama francais Malaysia, apabila turut menandatangani perjanjian dengan francaisor Malaysia.

"Kita menasaskan francaisor Malaysia 'mengunci' sekurang-kurangnya pelaburan bernilai RM15 juta dalam tempoh tiga hari FLEI 2019 berlangsung," katanya ketika ditemui di Pusat Konvensyen Jakarta (JCC) di sini, hari ini.

Beliau berkata ia adalah kejayaan misi KPDNHEP di Jakarta, selaras usaha kementerian untuk mengembangkan jenama francais Malaysia di Indonesia.

“Permintaan terhadap produk luar sangat tinggi di Indonesia dan kita perlu merebut kesempatan ini memandangkan republik ini memiliki pasaran yang sangat luas dengan 245 juta penduduk dan 17,000 pulau,” katanya.

Terdahulu, Muez mengetuai pertemuan KPDNHEP dan francaisor Malaysia dengan wakil Persatuan Francais dan Pelesenan Indonesia (WALI) yang diketuai Pengerusinya, Levita Supit.



**Muez (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Levita pada majlis perjumpaan di Pusat Konvensyen Jakarta (JCC) di Jakarta, hari ini. - NSTP/Saifullizan Tamadi**

Dalam pertemuan itu, Levita antaranya menjemput peniaga Malaysia untuk meneroka pasaran di luar Jakarta, yang memiliki aliran tunai dan perkembangan ekonomi lebih baik seperti Surabaya, Medan, Sulawesi dan Kalimantan.

Mengulas perkara itu, Muez berkata, pihaknya bersama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) akan mengenal pasti potensi perniagaan dan permintaan di beberapa bandar lain seperti Batam, Bandung dan Medan.

“Setakat ini, kita mendapati antara jenis francais yang mendapat permintaan di Indonesia adalah makanan dan minuman, pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan Bahasa Inggeris, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) serta kesihatan dan kecantikan.

“KPDNHEP akan mengenal pasti syarikat berkaitan di Malaysia dan membantu memudahkan urusan mereka yang mahu membuka francais di Indonesia, sekali gus terus mengembangkan sektor francais Malaysia di republik ini,” katanya.